

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

7. Terdapat beberapa gelanggang bola keranjang di KADUN Berapit yang dibina oleh bekas ADUN sebelum 2008 sudah sekian lama terbengkalai dan tidak dijaga oleh mana-mana pihak. Minta diserahkan kemudahan-kemudahan rekreasi di kawasan awam kepada MPSP.

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Terdapat sebanyak dua buah gelanggang bola keranjang di KADUN Berapit yang dibina oleh bekas ADUN sebelum tahun 2008 iaitu di Taman Alma dan Taman Seri Kijang. Gelanggang-gelanggang ini sudah lama terbengkalai dan tidak dijaga oleh mana-mana pihak. Perkara ini telahpun dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan mesyuarat memutuskan supaya Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah dan Jabatan Kerja Raya mengadakan lawatan tapak bagi menyediakan peruntukan yang diperlukan untuk tujuan pembaikan.

Sebagai makluman, dasar penyelenggaraan gelanggang awam di atas kawasan lapang selenggaraan MPSP yang berkuatkuasa pada 16 Julai 2013 menyatakan bahawa:-

- (i) Penyelenggaraan hanya akan dilaksanakan pada gelanggang-gelanggang yang dibina di atas tanah (kawasan lapang yang ditentukan / diluluskan dalam Pelan Kebenaran Merancang) dan diluluskan pembinaan oleh MPSP sahaja; dan
- (ii) Gelanggang awam yang dibina tanpa kelulusan MPSP hendaklah diselenggara oleh Pejabat Daerah Dan Tanah.

Namun demikian, MPSP pernah membantu melaksanakan tindakan menyelenggara gelanggang-gelanggang awam yang dibina oleh Pejabat Daerah Dan Tanah sebanyak 32 buah gelanggang pada tahun 2013 secara "*one-off*".